

24/04/1997

Kaedah bersepadu semai iman dalam keluarga

KOTA BHARU, Rabu -Umat Islam khususnya ibu bapa perlu memberi penekanan khusus terhadap aspek pembinaan kekeluargaan Islam dengan menyemai aspek iman, ilmu, dakwah dan tarbiyah sebagai landasan memerangi gejala sosial, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, hanya menerusi kaedah bersepadu itu, kekuatan umat Islam di negara ini boleh dipertahankan kerana gejala sosial yang semakin meruncing sekarang mengaibkan orang Melayu sendiri.

Berdasarkan penyelidikan Institut Pengajian Tinggi (IPT) tempatan, perangkaan menunjukkan daripada kira-kira 200,000 penagih dadah yang dikesan, 70 peratus membabitkan anak Melayu dan kadar yang tinggi juga dikesan dalam kes penderaan isteri.

Beliau berkata, kajian di rumah pangsa di ibu kota pula mendapati hanya lima peratus anak bukan Melayu tidak balik terus ke rumah selepas waktu persekolahan, berbanding 50 peratus anak-anak Melayu sendiri.

"Mengapa ibu bapa cuai dan membiarkan anak-anak tidak pulang ke rumah. Tidak ada jawapan mudah bagi penyelesaian masalah ini kerana ia terletak di tangan ibu bapa sendiri," katanya berucap melancarkan "Program Tanggungjawab Ibu Bapa' anjuran Kemas, di sini hari ini.

Majlis itu turut dihadiri isterinya, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa. Ketibaan beliau disambut penuh meriah dengan persembahan gendang silat tradisional Kelantan.

Anwar juga menegur sikap pemimpin Pas yang tidak mengemukakan sebarang cadangan positif bagi menangani gejala sosial itu, melainkan hanya menuding jari menyalahkan Umno dan kerajaan.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Memerangi Gejala Sosial peringkat Kebangsaan, berkata masalah gejala sosial itu memerlukan penyelesaian jitu membabitkan kerjasama dan komitmen semua pihak, termasuk parti pembangkang.

Timbalan Perdana Menteri kesal kerana Pas gagal memainkan peranan berkesan di peringkat awal pendidikan kerana ada bukti menunjukkan, menerusi taman bimbingan di bawah kelolaan parti itu, anak-anak kecil diajar supaya membenci orang lain, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Keadaan itu berbeza dengan corak dan kaedah pendidikan tradisional Islam yang menekankan budaya ilmu dan Iqra (pembacaan) di peringkat awal perkembangan sahsiah anak-anak," katanya sambil memetik kitab Muqaddimah karya Ibnu Khaldun berhubung pendidikan kanak-kanak di zaman keagungan Islam.

"Prinsip latihan dan tarbiyah Rasulullah bermula daripada pembinaan diri dan keluarga sebelum dikembangkan kepada seluruh ahli masyarakat," katanya.

Menurutnya, gerakan islah atau reformasi yang ditekankan oleh kerajaan hanya akan berlaku jika ibu bapa berjaya menjalankan tugas mendidik anak-anak dengan menyemai asas murni agama, akhlak dan ilmu Islam.

Sambil memuji usaha Kemas itu, Anwar berkata, mulai tahun ini kurikulum pengajian di peringkat asas tabika dan tadika Kemas akan disusun serta diperkemas sesuai dengan tuntutan perubahan semasa, termasuk aspek latihan guru.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Anwar berkata, program latihan dan pendedahan ibu bapa akan dijadikan asas dalam program oleh mana-mana

agensi dalam menangani gejala sosial di negara ini.

Beliau berharap selain Kemas, agensi terbabit dapat mencontohi tugas dan tanggungjawab yang dijalankan oleh agensi kerajaan lain yang bertindak menangani gejala sosial.

(END)